

Elemen Kemahiran Insaniah dalam Pendekatan Berpusatkan Pelajar Pengajaran Akidah Sekolah Rendah

The Soft Skills Element in the Akidah Teaching Centralized Approach for Primary School

Fatahiyah Elias¹, Mohd Isa Hamzah², Khadijah Abdul Razak³, Maizatul Suraya Muhammad
Nor⁴

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
01 NOVEMBER 2018	25 NOVEMBER 2018	04 DISEMBER 2018

ABSTRAK

Kemahiran insaniah penting dalam proses pembelajaran. Hal ini kerana kemahiran ini perlu dalam meningkatkan potensi diri murid-murid dalam mendepani cabaran akan datang. Namun, kajian-kajian terdahulu menunjukkan guru Pendidikan Islam (GPI) belum berjaya menggilap potensi pelajar secara menyeluruh khususnya dalam pembelajaran dalam kelas. Oleh itu, elemen kemahiran insaniah penting untuk diterapkan dalam pembelajaran Akidah untuk melahirkan insan pelajar yang berkualiti. Kajian kualitatif ini dijalankan bertujuan meneroka strategi yang digunakan oleh GPI dalam menerapkan elemen kemahiran insaniah dalam pengajaran Akidah. Data dikumpul menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur daripada empat orang GPI sekolah rendah. Dapatan utama kajian ini menunjukkan elemen kemahiran insaniah yang diterapkan oleh GPI dalam pengajaran akidah mampu meningkatkan potensi pelajar. Antara elemen yang dikenalpasti ialah kepemimpinan pelajar, interaksi dua hala dan kolaboratif.

Kata kunci: *Kemahiran insaniah, pengajaran akidah, guru Pendidikan Islam*

ABSTRACT

Soft skills are important in the learning process. This is because these skills are necessary in enhancing the students' own potential in meeting the challenges ahead. However, previous studies show that Islamic Education teachers (GPIs) have not succeeded in polishing the full potential of students, especially in classroom learning. Therefore, the element of soft skills is essential to be applied in the learning of the Cause to produce quality students. This qualitative study is aimed at exploring the strategies used by GPI in applying the element of soft skills in the teaching of the Cause. The data were collected using the semi structured interview method of four primary GPI students. The main findings of this study show that the soft skills elements applied by GPI in the teaching of the faith can enhance the potential of students. Among the elements identified are student leadership, bilateral and collaborative interactions.

¹ Fatahiyah Elias, Calon Ijazah Kedoktoran, Fakulti Pendidikan, Universiti kebangsaan Malaysia. fatahiyahelias@gmail.com

² Mohd Isa Hamzah PhD, Pensyarah Kanan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Isa.hamzah@ukm.edu.my

³ Khadijah Abdul Razak PhD, Pensyarah Kanan Fakulti Pendidikan, Universiti kebangsaan Malaysia. khadijah@ukm.edu.my

⁴ Maizatul Suraya, Calon Ijazah Kedoktoran, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. surayaukm@gmail.com

Keywords: *Soft skills, Akidah Teaching, the Islamic Education teacher, Centralized Approach*

Pendahuluan

Kemahiran insaniah merupakan aspek penting yang perlu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Murid-murid lebih berdaya saing dengan mengaplikasi kemahiran ini. Justeru, ia perlu diterapkan secara menyeluruh agar potensi mereka dapat digilap sebaiknya. Salah satu cara dalam merangsang perkembangan kemahiran insaniah pelajar adalah melalui pendekatan berpusatkan pelajar. Melalui pendekatan ini murid-murid diberi ruang dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran mereka di samping mendapat bimbingan daripada guru. Ruang pembelajaran yang diberikan melatih pelajar-pelajar agar lebih berdikari seterusnya mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan. Antara elemen kemahiran insaniah yang boleh diterapkan daripada amalan pengajaran guru ialah aspek kepimpinan pelajar, interaksi dua hala, dan amalan kolaboratif sesama mereka. Justeru, bagi memantapkan perjalanan para pelajar dalam meniti arus gelombang kehidupan, penerapan elemen kemahiran insaniah dan pengajaran Akidah perlu diberi penekanan terbaik. Kesemunya juga bergantung kepada peranan dan amalan GPI yang berkesan dalam proses pembelajaran di kelas.

Pernyataan Masalah

Transformasi pendidikan kini menuntut agar generasi muda dididik dengan elemen kemahiran yang mampu menjana insan holistik. Mereka perlu diterapkan dengan elemen kemahiran yang dapat membentuk peribadi dan jati diri ke tahap yang sesuai dengan cabaran globalisasi kini. Terdapat kajian yang menunjukkan corak pengajaran masih belum mampu menggilap potensi pelajar secara umumnya (Lisa M. Marin, & Diane F. Halpern 2011; Nursafra Mohd Zhaffar et al. 2016; Rosnani Hashim 2014). Pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh GPI juga masih lemah dan kurang mampu memantapkan intelektual pelajar (Rosnani Hashim 2014; Samsudin Md Noor 2012; Syed Najmudin Syed Hassan et al. 2009; Zakaria Abdullah 2012). Selain itu, terdapat kajian menunjukkan latar belakang pengajaran akidah pada peringkat awal lebih berpusatkan guru, tradisional yang berdasarkan teks klasik, tidak mengaitkan dengan realiti kehidupan murid, menggunakan teknik hafalan, masih dianggap kering dan tidak memberi kesan kepada emosi pelajar (Ahmad Yunus Kasim 2011, Wan Mohd Daud 1989, Che Pee 1983). Usaha menambahbaik perlu dilaksanakan bagi menggilap potensi para pelajar. Berdasarkan sorotan literature, didapati kajian berkaitan kemahiran insaniah dan proses pembelajaran dalam pengajaran Akidah adalah kurang dilaksanakan. Jadi, bagi memenuhi jurang tersebut, kajian berkaitan elemen kemahiran insaniah dan pembelajaran berpusatkan pelajar pengajaran Akidah perlu dilaksanakan khususnya berfokuskan kepada amalan pengajaran GPI. Kajian yang dijalankan ini adalah meneroka elemen kemahiran insaniah yang dilaksanakan oleh GPI dalam strategi pengajaran Akidah seterusnya melahirkan pelajar yang dapat berkeyakinan tinggi dan berakhlak terpuji.

Kemahiran Insaniah dan perkaitannya dengan Pendidikan Islam

Kemahiran generik atau kemahiran insaniah antara kemahiran yang diperlukan oleh pelajar untuk cemerlang dalam dalam pelbagai aspek kehidupan (Falk & Millar 2002; Hambur, Rowe & Luc, 2002; Lublin, 2003; Mohd Faizullah, 2014:). Kemahiran ini merupakan

kemahiran boleh pindah- *transferable skills* dan perlu diintegrasikan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam konteks subjek pengajian (Kearns, 2001). Pada era globalisasi ini, kemahiran kompetensi generik yang tinggi dalam kemahiran interpersonal, kepimpinan (Mason 1992; Quek, 1996) kerja berpasukan (Boud & Middleton, 2003; Kanapathy, 2001), dan kemahiran menulis dan lisan (Jacobsen, 1993; Schroder, 1989) adalah diperlukan oleh para majikan. Dengan pelbagai kemahiran tersebut, produktiviti serta pengeluaran organisasi akan meningkat (Mohd Safarin, 2004).

Penerapan kemahiran insaniah dalam matapelajaran perlu diterapkan lebih awal subjek tersebut didedahkan. Para pendidik perlu lebih prihatin terhadap penerapan unsur kemahiran tersebut. Mereka perlu mengetahui kekuatan dan kelemahan para pelajar agar penerapan kemahiran dapat dilakukan semasa proses pengajaran dan pembelajaran (Rodiah, Siti Rahayah & Noriah, 2009). Peranan guru cukup penting dalam mempengaruhi tahap ketrampilan pelajar. Sebagai pendidik, mereka bertanggungjawab belajar untuk belajar, mengajar, menguasai aspek pengetahuan pedagogi isi kandungan (Tetty Henney & Nik Zafri 2000).

Guru Pendidikan Islam juga perlu memainkan peranan mereka dalam menerapkan kemahiran insaniah kepada para pelajar. Mereka perlu lebih bijak mengatur strategi pembelajaran agar para pelajar mendapat manfaat dalam meningkatkan kemahiran kehidupan mereka. Guru juga harus menyedari bahawa tugas mendidik para pelajar bukan sekadar memindahkan maklumat, pengetahuan daripada pendidik kepada anak didik semata-mata. Bahkan ilmu dan pengetahuan serta pengalaman yang dipindahkan perlu dalam membentuk sikap, nilai dan peribadi seseorang pelajar (Tengku Sarina & Faridah, 2008).

Dalam subjek Pendidikan Islam, para pelajar ditekankan dengan pelbagai disiplin ilmu sama ada Al-Quran, As-Sunnah, Syariah, Usuluddin dan sebagainya. Semua disiplin ilmu ini merupakan bidang penting dan panduan kepada kehidupan sebagai seorang muslim sebenar. Kemahiran insaniah perlu berpandukan al-Quran dan Al-hadis. Di dalamnya terkandung ajaran yang menekankan kepentingan kemahiran insaniah yang mendasari agama, budaya dan tamadun sebagai benteng utama menghadapi sebarang bentuk cabaran (Khadijah Khambali et, al. 2011). Hal demikian bagi memastikan pembangunan modal insan akan menjadi lebih dinamik dan berkualiti. Selain itu ia turut seiring dengan pemikiran Ibn Khaldun yang dijelaskan dalam kitab Muqaddimah. Dalam pemikiran Ibn Khaldun berkaitan pembangunan modal insan, beliau menekankan aspek peradaban manusia dan kualiti kemahiran insaniah. Hal ini bagi mencapai pembangunan ummah dan negara.

Justeru, hubungkait antara kemahiran insaniah dan Pendidikan agama menjadi faktor penting dalam membangunkan modal insan yang komprehensif di Malaysia. Hal ini sebenarnya telah diketengahkan sejak era 80 an lagi dimana pendidikan yang berorientasikan agama menjadi penting dan pendekatan secara bersepadu (Siti Fatimah & Maimun Aqsha 2015; Sidek Baba 2006). Dalam membentuk personaliti yang cemerlang dalam hidup, kemahiran insaniah menjadi keutamaan (Schulz, 2008; Noor Azean dan Vee Lynn, 2010). Kemahiran insaniah yang berteraskan dengan akhlak Islamiah juga menjadi teras dalam membentuk jati diri pelajar (Fakhrul Adabi, Ilhamie, dan Rashidi, 2012). Amalan tersebut menjadi kukuh dan akan sentiasa berterusan dalam kehidupan seharian.

Objektif dan Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneroka elemen kemahiran insaniah dalam strategi pengajaran Akidah GPI sekolah rendah. Persoalan utama dalam kajian ini ialah apakah elemen kemahiran insaniah dalam strategi pengajaran Akidah GPI sekolah rendah?

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes untuk mendapat kefahaman mendalam mengenai elemen kemahiran insaniah yang diterapkan dalam pendekatan berpusatkan pelajar pengajaran Akidah GPI. Kajian ini melibatkan kepada kajian kes yang merujuk kepada fenomena amalan pengajaran guru dalam menerapkan elemen kemahiran insaniah kepada murid-murid. Kaedah yang digunakan untuk mengumpul data adalah secara temu bual separa berstruktur dan pemerhatian di kelas. Peserta kajian yang terlibat ialah seramai empat orang peserta kajian yang disyorkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri dan Bahagian Pembangunan Kurikulum serta menggunakan kaedah 'snow ball' . Pemilihan sampel ini adalah berdasarkan teknik *purposeful sampling* (Merriam, 2009); peserta dipilih berdasarkan kriteria unik yang telah dikenalpasti oleh pengkaji bagi menjamin perolehan data yang relevan dan mencukupi. Antara kriteria utama pemilihan peserta kajian adalah berpengalaman, memaparkan pedagogi berpusatkan pelajar dan dapat memberi kerjasama. Pengkaji mendapatkan persetujuan menjalankan kajian daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, guru besar dan seterusnya GPI yang terlibat.

Data dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti versi 8. Proses analisis kandungan ini melibatkan proses memilih, meninggalkan dan memberi makna terhadap data yang diperoleh (Patton, 2002). Kaedah perbandingan berterusan digunakan terhadap elemen pengumpulan maklumat yang diperoleh melalui triangulasi data temu bual, pemerhatian pengajaran dan analisis dokumen pada waktu yang berlainan dan juga antara peserta kajian di lokasi berbeza untuk mengenalpasti pola persamaan dan perbezaan dalam data (Strauss & Corbin, 1998).

Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini menunjukkan secara keseluruhannya, terdapat tiga aspek utama elemen kemahiran insaniah yang diterapkan dalam pengamalan pedagogi berpusatkan pelajar GPI iaitu; kepemimpinan murid, interaksi dua hala dan kolaboratif.

Kepemimpinan murid terbentuk

Tema ini berfokus kepada unsur kepemimpinan yang wujud semasa aktiviti pembelajaran berpusatkan pelajar dilaksanakan dalam proses pembelajaran. Aspek kepemimpinan yang berlaku adalah meliputi peranan murid sebagai pemimpin dalam kumpulan kecil dan mentor kepada rakan-rakan.

Murid berperanan sebagai pemimpin kecil dalam kumpulan adalah subtema pertama dalam kepemimpinan murid. Murid-murid didedahkan peranan dalam menjalankan aktiviti

kumpulan sama ada sebagai ketua, pencatat, pembentang hasil tugas dan tugas-tugas khas. Dalam aktiviti secara berkumpulan, murid-murid dilatih dan bertanggungjawab dalam menghidupkan suasana di dalam kelas agar objektif yang disasarkan tercapai. Ustaz Mohamad menyatakan;

Ciri-ciri kepimpinan sebagai ketua kumpulan.., sebelum ini tak berani nak cakap di depan..apabila kita buat aktiviti berpusatkan murid ini, ok yang di tugaskan sebagai pembentang mesti bercakap di depan.., sekali mungkin dia tak berapa lagi ustazah, bila 2,3 kali kena selalu setiap minggu, cikgu lain pun masuk pun bentang juga, haa.. kita tak mau yang ni ja yang duk bentang bagi orang lain pulak..(U.Mohamad /11022018/TB1)

“Kepimpinan dah dilatih..sebagai ketua kumpulan..haa dia tengok..tak buat apa ni!! Mai la tolong sama” (U.Mohamad /11022018/TB1)

Dari subtema kedua, elemen kepemimpinan yang wujud ialah murid dilatih untuk menjadi mentor atau pembimbing kepada rakan-rakan. Rakan-rakan yang lemah dibantu agar lebih faham tentang isi pelajaran. Secara tidak langsung mereka diberi peranan sebagai guru muda di dalam kelas. Menurut Ustaz Mohamad; *“jadi murid yang baik akan membimbinglah murid yang lemah ini” (U.Mohamad /11022018/TB1)*. Hal ini turut dijelaskan oleh Ustaz Shah bahawa; *“kita boleh mintak budak yang habis punya..budak yang dah habis tu, tolong kawan yang tak habis.” U.Shah /27032018/TB2*. Pendapat ini turut selari dengan penjelasan ustazah Mas iaitu; *“misal kata kalau yang pandai ni, kita boleh guna yang pandai sebagai..mentor kepada yang lemah, tu satu...” (U.Mas /01032018/TB1)*. Begitu juga penjelasan Ustazah Asma yang turut menyokong bahawa murid bersekolah agama mempunyai kelebihan membimbing rakan-rakan di kelas. Menurut beliau; *“budak-budak yang pergi sekolah agama mereka ada maklumat..so, diorang nilah yang menjadi pemberi maklumat kepada kita” (U.Asma/05032018/TB1)*.

Interaksi dua hala

Tema ini meliputi elemen kemahiran insaniah yang diterapkan iaitu interaksi dua hala sama ada antara murid dan guru serta antara murid dan murid. Subtema utama yang terlibat ialah perbincangan dalam kumpulan, komunikasi dan sesi soal-jawab serta interaksi murid dengan alam sekitar.

Perbincangan dalam kumpulan melatih murid untuk memberi idea sesama mereka dan juga kepada guru. Hal ini bertujuan bagi mendapatkan rumusan kepada persoalan yang timbul. Menurut Ustaz Mohamad perbincangan boleh merungkaikan permasalahan dan meningkatkan kreativiti murid-murid:

“perbincangan dalam kumpulan ini seperti mana murid-murid sekiranya tidak faham, mereka akan mula bertanyalah pada guru mereka dan berlaku perbincangan antara murid dengan murid itu dimana murid akan mengeluarkan idea-idea, aaaa maklumat-maklumat, pandangan masing-masinglah dan juga menunjukkan kreativiti mereka sendiri dalam menyelesaikan tugas yang diberikan” U.Mohamad /11022018/TB1.

Hal ini turut dijelaskan oleh Ustazah Asma di mana perbincangan dua hala membantu mencambahkan idea dan maklumat kepada murid iaitu; *“Perbincangan dengan kawan-kawan..sebab kawan-kawan kita ada banyak idea..sometimes kita tak terfikir”* (U.Asma/05032018/TB1). Pandangan ini membuktikan perbincangan dalam kumpulan sedikit sebanyak membantu murid untuk merangsang minda dan meningkatkan lagi kefahaman mereka dalam pembelajaran.

Seterusnya, elemen komunikasi juga turut berlaku. Menurut Ustaz Mohammad; *“wujudnya komunikasi dua hala di antara guru dan murid apabila berlakunya proses pembelajaran”* (U.Mohamad /11022018/TB1). Murid-murid dilatih untuk berkomunikasi di dalam kelas. Hal ini memberi kesan yang baik kepada proses pembelajaran. Secara tidak langsung peranan murid sebagai pembelajar aktif akan berlaku. Menurut Ustazah Mas, komunikasi yang berlaku juga menggalakkan murid agar berbincang di dalam kelas; *“Kalau komunikasi ni pulak dia ber...perbincangan antara dia tu”* (U.Mas /01032018/TB1).

Selain itu, elemen bersoal-jawab juga berlaku. Bersoal-jawab membantu murid mendapatkan banyak maklumat berkaitan isi pelajaran. Teknik soal-jawab dalam pendekatan berpusatkan pelajar berlaku dalam pelbagai bentuk. Menurut Ustazah Mas; *“banyak teknik penyoalan..sebenarnya dalam berpusatkan murid ni kan..? sama ada soalan yang kita bagi tu, kita bagi dalam betuk kertas kepada budak dan diorang bincang, keluarkan soalan2 ke..macam tu”* (U.Mas /01032018/TB1).

Selain itu, interaksi dua hala juga berlaku apabila murid berkomunikasi di dalam kelas khususnya dalam teknik penyoalan yang diketengahkan oleh guru Pendidikan Islam. Menurut ustazah Asma, *“ The moment bila budak, bila kita tanya soalan, komunikasi berlaku dengan tiga cara. Komunikasi murid dengan murid, bercakap sesama dia je, bila kita bagi ruang”* (U.Asma/10082018/TB2). Murid-murid memberi respon kepada persoalan dan juga sumbang saran yang dilakukan oleh guru.

Kolaboratif antara ahli

Elemen kolaboratif juga turut diterapkan. Elemen kolaboratif yang ditekankan juga berkait dengan elemen kerjasama antara murid-murid dalam melaksanakan tugas secara berkumpulan. Kolaboratif berlaku antara guru dan murid serta murid dan murid. Menurut Ustazah Mas; *“kolaboratif yang pertama, kolaboratif antara guru dan murid, tapi dia lebih kepada..maksud akak ni..nak murid tu lebih berkolaboratif sesama dia”* (U.Mas /01032018/TB1). Beliau mengharapkan elemen kolaboratif yang diterapkan akan menghasilkan natijah terbaik kepada pembelajaran. Pembelajaran akan menjadi lebih bermakna dan menarik.

Selain itu, elemen kerjasama yang diterapkan adalah dari aspek pelaksanaan aktiviti dalam proses pembelajaran. Misalnya, aktiviti perbincangan yang dilaksanakan membuktikan wujudnya elemen kolaboratif. Ustaz Mohammad menjelaskan bahawa elemen kolaborasi perlu diterapkan dalam pembelajaran; *“Mesti ada dalam tu..bila kita buat RPH itu, kalau ada orang mai tanya “di mana ada kolaborasi tu?”, “aaaa..ni di sini ada perbincangan kumpulan” kita boleh tunjuk la disitu...”* (U.Mohamad /11022018/TB1). Menurut Ustaz Shah pula, elemen kolaboratif yang diterapkan mampu mewujudkan gabungan pengetahuan

baharu kepada para murid dan persekitaran yang positif. Sebagaimana yang dijelaskan oleh beliau; *“kita boleh wujud kan satu apa ni..kolaborasi..satu gabungan antara pengetahuan, persekitaran positif pelajar tu”* (U.Shah /22022018/TB1). Oleh demikian, suasana pembelajaran yang dilaksanakan memberi kesan baik kepada persekitaran murid dalam meningkatkan ilmu. Elemen kolaboratif juga diterapkan melalui kerjasama antara mereka dalam mendapatkan idea. Seperti mana yang dikemukakan oleh ustazah Asma; *“Kolaboratif. Bila bekerjasama. Dalam masa dua minit ustazah nak awak bincang dengan kawan awak, apa perbuatan dosa. Dua minit aih, dua minit aih. Jadi dia berkolaboratif untuk cari ideakan”* (U.Asmah/10082018/TB2). Secara tidak langsung aktiviti yang dijalankan ini meningkatkan hubungan murid di dalam kelas dan beraktiviti secara kerja berpasukan.

Perbincangan

Elemen kemahiran insaniah dalam kelas boleh diterapkan dalam pembelajaran berpusatkan murid dalam pengajaran Akidah melalui kreativiti guru dalam melaksanakan pendekatan tersebut. Penerapan elemen ini mampu melahirkan insan murid yang berkualiti serta seiring dengan kehendak pembelajaran masa kini. Dalam hal ini, kemahiran insaniah diperlukan bagi melatih murid-murid agar dapat mendepani cabaran semasa khususnya era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). Justeru, guru pendidikan Islam perlu mencungkil potensi murid pada tahap yang sesuai dan mampu menangkis permasalahan kini yang serba rencam. Secara tidak langsung, melalui penerapan elemen kemahiran insaniah, aspek pemikiran aras tinggi juga turut ditekankan. Berfikir aras tinggi atau KBAT antara aspek yang menjadi tumpuan pada era globalisasi kini (Mohd Syaubari & Ahmad Yunus 2016). Justeru, generasi yang bakal dilahirkan bukan sahaja menguasai aspek ilmu malah kemahiran-kemahiran tertentu dalam kehidupan.

Selain itu, GPI juga perlu berperanan sebagai pembimbing dan pemudahcara semasa mengendalikan kelas. Guru sebagai pembimbing penting khususnya semasa mengajar Akidah. Ilmu Akidah yang abstrak perlu diperkukuhkan dengan konsep ilmu yang padu. Murid-murid perlu dibimbing dengan sebaiknya agar pemahaman konsep dapat difahami oleh murid-murid. GPI yang dianggap sebagai sumber ilmu dalam membimbing murid-murid. Malah GPI juga berperanan dalam menjawab sesuatu kemusykilan yang timbul oleh murid-murid. Para guru juga diingatkan agar dapat mengamalkan ilmu yang diajarkan serta dapat memudahkan murid menjadikan rujukan (al ghazali 1988). Dalam konteks pengajaran akidah, pendekatan berpusatkan murid merupakan pendekatan yang berupaya menarik minat murid dan pembelajaran akan menjadi lebih bermakna. Hal demikian kerana murid-murid diberi ruang dalam memaknai konsep ilmu mereka. GPI pula memainkan peranan sebagai pengukuh kepada konsep ilmu akidah yang dipelajari.

Dalam proses pembelajaran berpusatkan murid, GPI merancang dan menyusun aktiviti yang bersesuaian dengan tahap pembelajaran mereka. Murid-murid dibimbing agar dapat berkolaboratif dan berkerjasama dengan rakan-rakan. Nilai kerjasama yang diberikan mewujudkan sikap toleransi dalam kalangan ahli kelas. Amalan sebegini membantu meningkatkan prestasi murid-murid ke tahap yang lebih baik. Paling utama ialah murid-murid dapat menguasai kemahiran berfikir aras tinggi. Pendekatan berpusatkan murid juga memberi kesan kepada proses pembelajaran sepanjang hayat. Malah, pelajar turut berkemampuan menyelesaikan masalah yang timbul dan lebih berdikari.

Berlaku interaksi dua hala antara murid dan guru, murid dan murid serta murid dengan persekitaran. Interaksi juga berkait dengan kemampuan murid-murid membina, memelihara dan mengoptimumkan jaringan secara formal mahupun tidak formal (Ahmad Munawar & Zakaria Stapa 2011). Bertepatan dengan Halpern (1998) dan Paul (1985) yang mengesyorkan guru perlu menyesuaikan ilmu baharu dengan konsep-konsep dari perspektif yang pelbagai. Dengan demikian, guru-guru perlu membantu murid-murid dalam mengharungi cabaran harian yang begitu kompleks. Prinsip pertama pengajaran berkesan adalah interaksi yang baik. Masalah dan isu-isu berkaitan kursus dapat diketengahkan kepada murid-murid sama ada sebelum, semasa atau selepas kelas (Lucas & Bernstein, 2005). Di samping itu, pelajar akan menjadi aktif, berfikir kreatif dan kritis dalam penyelesaian masalah, berperanan dalam beraktiviti serta mempunyai ruang secara bebas dalam pembelajaran. Aspek ini memenuhi standard 4 SKPMg2, murid berperanan sebagai pembelajar aktif dalam proses pembelajaran.

Dalam masa yang sama kepimpinan murid juga turut terbentuk. Melalui aktiviti kumpulan, pelajar dilatih dalam mengendalikan organisasi kecil. Setiap murid diberi tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Kemahiran insaniah yang berkait dengan kepimpinan murid membantu meningkatkan lagi keyakinan mereka dalam pengkhususan gerak kerja. Nilai-nilai kemahiran kepimpinan perlu dipertajamkan khususnya dalam berorganisasi. Pasaran sektor pekerjaan memerlukan golongan pekerja yang cekap dan berkompentasi tinggi. Nilai kepimpinan merupakan aset besar yang cukup penting dalam pasaran kerja (Ahmad Munawar & Zakaria Stapa 2011). Oleh itu, dalam konteks pendekatan berpusatkan pelajar, pelajar perlu diterapkan dengan kemahiran komunikasi dan kepimpinan kerana melalui kemahiran ini pelajar akan lebih memahami apa yang diperlukan oleh seseorang dan bagaimana untuk mempengaruhi dan membimbing orang lain bagi mencapai matlamat yang dirancang.

Kesimpulan

Ringkasnya, dapatan kajian membuktikan GPI mempunyai kemahiran dalam menerapkan elemen kemahiran insaniah kepada murid-murid di kelas semasa pengajaran Akidah. Tiga elemen utama yang diterapkan iaitu kepimpinan, kolaboratif dan interaksi dua hala mampu melahirkan generasi seimbang akademik dan bukan akademik. Kajian ini memberi impak terbaik dan panduan kepada GPI lain dan guru-guru secara amnya. Pengendalian pembelajaran adalah penting agar murid-murid mampu menunjukkan prestasi terbaik. Pengalaman di kelas bukan sahaja dapat meningkatkan ilmu pengetahuan, malah memantapkan hubungan sosial mereka. Justeru, kemenjadian murid secara amnya dapat direalisasikan dan mendatangkan implikasi terbaik kepada pembangunan modal insan negara.

Rujukan

Al-Quran

Al-Quran al-Karim. Mushaf al-Madinah al-Nabawiyah. Majma' al-Malik Fahd lil alTiba'ah al-Mushaf al-Syarif.

Buku:

al-Ghazali. 1988. Ihya Ulumiddin Jiwa Agama. Terj. Ismail Yakub, TK.H. Edisi Malaysia. Kuala Lumpur: Victory Ajensi

- Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak & Shahrin Awaluddin. 2011. Kaedah pengajaran pendidikan Islam: Konvensional dan inovasi. Dlm. Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Patton, M. Q. 2002. Qualitative research and evaluation methods 3rd Edition. California: Sage Publications, Inc
- Merriam, S. B. 2009. Qualitative research: A guide to design and implementation. San Francisco: John Wiley & Sons.
- Strauss, A & Corbin, J. 1998. Basics of qualitative research : Techniques and procedures for developing grounded theory. Thousand Oaks: Sage Publication, Inc.
- Jurnal:*
- Ahmad Munawar Ismail & Zakaria Stapa. 2011. Strategi Pembelajaran Penuntut Aliran Pengajian Islam dan Hubungannya dalam Memenuhi Tuntutan Pasaran. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 3(2). 21-30.
- Bailin, S., Case, R., Coombs, J. R. & Daniels, L. B. 1999a. Common misconceptions of critical thinking. *Journal of Curriculum Studies*. 31 (3): 269-283.
- Bernd Schulz (2008). The Importance of Soft Skills: Education Beyond Academic Knowledge. *Journal of Language and Communication*. 146-154.
- Halpern, D. F. 1998. Teaching critical thinking for transfer across domains: Dispositions, skills, structure training, and metacognitive monitoring. *American Psychologist*. 53(4): 449-455.
- Khadijah Mohd Khambali, Nor Adlina Abdul Kadir & Khairul Anuar Mohd Amin Khir. Relevansi Pemikiran Ibn Khaldun Teriadap Kemahiran Insaniah Di Dalam Pengurusan Pembangunan Modal Insan. *Jurnal Usuluddin*. 21-46.
- Lublin, J. (2003). Generic objectives and transferable skills: Centre for teaching and learning: Good Practice in teaching and learning. *Engineering Science and Education Journal*, 8 (4), 161-168.
- Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim. 2016. Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Di Dalam Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Menurut Imam Ghazali. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 3(2). 80-91.
- Norsafra bt Mohd Zhaffar. 2016. Elemen Pengumpulan Maklumat dalam Pengajaran Berfikir Kritis Guru Pendidikan Islam. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 3(2). 237-250.
- Rodiah Idris, Siti Rahayah Ariffin & Noriah Mohd Ishak. 2009. Pengaruh Kemahiran Generik dalam Kemahiran Pemikiran Kritis, Penyelesaian Masalah dan Komunikasi Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). *MJLL*. Bil 6. 103-114.
- Rosnani Hashim, Suhailah Hussein & Adesile M. Imran. 2014. Hikmah (wisdom) Pedagogy and Students' Thinking and Reasoning Abilities. *Intellectual Discourse*, 22(2), 119-138. doi:2289-5639
- Siti Fatimah Ahmad & Maimun Aqsha Lubis. 2015. Islam Hadhari Dalam Pendidikan Pembangunan Modal Insan Di Malaysia: Satu Analisa Epistemologi. *Jurnal Hadhari* 7(1). 1-18.
- Syed Najmudin Syed Hassan, Abdul Halim Tamuri, Isahak Othman & Mohd Sabri Mamat. 2009. Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(2), 31-50. doi:10.1007/s13398-014-0173-7.2
- Tengku Sarina Aini Tengku Kassim & Faridah Che Husain. 2008. Pendekatan Individu Dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sebagai Wahana Melahirkan Modal Insan Bertamadun. *Jurnal Usuluddin*. Bil. 27. 141-156.

Prosiding:

- Fakhrul Adabi Abdul Kadir, Ilhaamie Abdul Ghani Azmi & Rashidi bin Abbas (2012). Hubungan Akhlak Islam Dengan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. National Human Resource Management Conference 2012. 5-6 /12/2012 HOLIDAY Inn Melaka.
- Falk, I., & Millar, P. (2002). Implications of 'non-standard work practices' for literacy and numeracy. ALNARC National Research Program Commonwealth of Australia.
- Samsudin Md Noor. 2012. Amalan Terbaik Dalam Pedagogi Pendidikan Islam. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam 2012 (PKPI 2012)*,.

Tesis:

- Zakaria Abdullah. 2012. *Tahap Kefahaman Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan*. Tesis Phd Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kertas Kerja:

- Mohd Safarin Nordin dan Kamaruddin Mohd Tahir. "Kemahiran Generik – Kepentingan dalam memenuhi keperluan majikan masa kini." Universiti Teknologi Malaysia. Kertas kerja.
- Tetty Henny Zulkifli dan Nik Zafri (2000), "Inovasi dalam Pedagogi, Kurikulum dan Pendidikan Malaysia." Kertas kerja
- Noor Azean Atan dan Vee Lynn Khoo (2010). Penerapan Kemahiran Insaniah Di Kalangan Guru Pelatih Yang Mengambil Kursus Sains Komputer Di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Pp. 1-7. (Unpublished).

Laporan:

- Hambur, S., Rowe, K., & Luc, L. T. (2002). Graduate skills assessment. Australian Council For Educational Research. Commonwealth Department of Education Science & Training.
- Kearns, P (2001), Generic Skills For The New Economy – review of research, NCVER, Adelaide.
- Paul, R. W. 1985. McPeck's mistake. *Informal Logic*. 7 (1): 35-43.